



Ketua Setiausaha Perbendaharaan
(Secretary General of Treasury)

Kompleks Kementerian Kewangan
No.5, Persiaran Perdana
Presint 2
62592 PUTRAJAYA
Tel. : 03-88823333
Telefaks : 03-88824224
Telex : FEDTRY MA 30242
Laman Web : www.treasury.gov.my

KK/NSCU 10/681/22(10)

18 Mac 2013

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

Y.Bhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PENYERAGAMAN KADAR SEWA KEMUDAHAN UNTUK INSTITUSI-INSTITUSI LATIHAN AWAM DI MALAYSIA

Sukacita saya menarik perhatian Y.Bhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan, mengenai perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman, Kerajaan telah melancarkan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy*- NBOS) yang merupakan satu platform di mana inisiatif-inisiatif berimpak tinggi dengan kos yang optimum dilaksanakan. Di bawah Inisiatif **NBOS 7: 1Malaysia Training Centre**, Kerajaan bersetuju agar semua Institusi Latihan Awam (ILA) berkongsi prasarana dan kemudahan latihan. Mesyuarat NBOS pada **7 Mac 2013** yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara telah memutuskan supaya:

- i) semua ILA **tidak mengenakan bayaran kepada agensi kerajaan dan badan berkanun** yang ingin menggunakan kemudahan mereka. Takrifan kemudahan adalah seperti **Lampiran A**; dan
- ii) agensi swasta yang berminat untuk menggunakan perkhidmatan di ILA **dikenakan kadar sewa 50% daripada kadar pasaran semasa seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.**


3. Bagi ILA yang telah mewartakan kadar sewa di bawah Akta Fi 1951 atau mana-mana Akta lain, adalah menjadi tanggung jawab agensi induk bagi ILA tersebut mengambil tindakan untuk mewartakan kadar baru sebagaimana yang diperlukan di bawah akta-akta tersebut.

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama Y.Bhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon supaya menyeragamkan kadar sewa di institusi/agensi masing-masing berkuat kuasa mulai **18 Mac 2013**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' SRI DR. IRWAN SERIGAR ABDULLAH)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan



s.k. : **Ketua Setiausaha Negara**

LAMPIRAN A

Takrifan Kemudahan Yang Boleh Disewa Di Institusi Latihan Awam

1. Bilik Mesyuarat
2. Bilik Kuliah
3. Bilik Seminar
4. Makmal Komputer
5. Bengkel
6. Dewan
7. Auditorium
8. Kemudahan Sukan dan Rekreasi
9. Penginapan
10. Peralatan Komputer
11. Peralatan Audio Visual
12. Kenderaan
13. Kerusi/Meja